

## SYED SYEIKH ABDULLAH MAGHRIBI: PENDIDIK DAN KAUM MUDA

oleh

MOHD SARIM HJ. MUSTAJAB

SEJAK ditubuhkan pada tahun 1914 Madrasah Al-Mashhur Al-Islamiyyah, Pulau Pinang sering di kunjungi oleh ulamak-ulamak ternama, baik dari Mekah al-Musyarrrafah maupun dari Mesir. Malah boleh dikatakan sejak awal institusi pendidikan agama ini ditubuhkan, ia telah menjadi *nursery* yang penting dalam proses kegiatan Islah Islam di Tanah Melayu. Sebilangan besar guru-guru serta penuntutnya diperingkat awal, terlibat baik secara langsung ataupun tidak dalam gerakan Islah Islam yang bertiup di Tanah Melayu waktu itu.

Sewaktu menjadi mudir Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang, Syed Syeikh al-Hadi telah menulis surat kepada temannya di Mekah, Syed Tahsin Alkaff menjemput seorang guru dari Mekah untuk bertugas di Madrasah itu.<sup>1</sup> Dengan pertolongan Syeikh Ahmad Al-Najar, Syed Tahsin Alkaff berjaya menghubungi seorang guru bernama Syed Syeikh Abdullah. Pada tahun 1918, mereka belayar ke Pulau Pinang. Syeikh Abdullah dikenal juga dengan panggilan Syeikh Abdullah Maghribi bin Ahmad.<sup>2</sup> Beliau dilahirkan di Tripoli dan sejak berumur tujuh tahun berhijrah ke Mekah untuk berguru dengan Syeikh Ahmad Al-Najar. Pengajian agamanya berakhir dengan mencapai syahadah alamiyyah dari Mekah.

Di Pulau Pinang beliau tinggal di Madrasah al-Mashhur al-Islamiyyah, di sinilah beliau bertugas sebagai guru di samping Syed Syeikh al-Hadi.<sup>3</sup> Pada tahun 1919 perletakan jawatan Syed Syeikh al-Hadi sebagai mudir meninggalkan tempat itu kosong buat beberapa waktu dan kebetulan pada tahun yang sama Jawa-tankuasa Tadbir Madrasah mengesahkan perlantikan Syeikh Abdullah sebagai mudir baru dan beliau menyandang jawatan itu sehingga tahun 1921. Sebagai seorang ulamak yang *liberal*, fikiran dan pendapatnya lebih cocok kepada aliran Islah yang didukung oleh Al-Mashhur. Kecenderungannya begitu ketara lagi sewaktu beliau berhubung dengan ulamak Islah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin.<sup>4</sup> Tidak kurang pula, kegiatan Syed Syeikh al-Hadi menyebarkan pandangan Islahnya melalui Nobel dan Majalahnya *Al-Ikhwan* mengilham beliau untuk bergiat lebih aktif lagi dan ini dimanifestasikan sewaktu beliau menyandang jawatan Mudir al-Mashhur di Pulau Pinang. Berbagai perubahan baru diperkenalkan di Madrasah itu baik dari segi sukanan pelajarannya maupun kepada struktur

<sup>1</sup>H.C.O. 638/1935. Ag. Sec. High Com. to BAT, 11 Dec., 1935. Copy of Report on Syeikh Abdullah by Detective Branch, Penang.

<sup>2</sup>Beliau diberi gelaran 'Maghribi' berdasarkan kepada tempat asalnya iaitu 'Morocco.' Keterangan Syeikh Ahmad Bajunid, Pulau Pinang tanggal 2 Mac, 1972 dan Syeikh Zubair bin Haji Ahmad, 24 Feb., 1972.

Kedua-dua tokoh agama ini adalah bekas murid Syeikh Abdullah Maghribi di al-Masyhur, Pulau Pinang.

<sup>3</sup>Syed Syeikh al-Hadi bertugas sebagai mudir sejak 1915 hingga 1921. Dikatakan perletakan jawatan beliau sebagai mudir berpunca dari perselisihan kecil dengan Syeikh Abdullah. Lihat HCO.638/1935. 'Copy of Report Syeikh Abdullah.' Sebaliknya besar kemungkinan keinginannya untuk mencebur diri dalam lapangan penulisan menyebabkan pemberhentian itu.

<sup>4</sup>Syeikh Tahir Jalaluddin bertugas di al-Masyhur sewaktu dengan Syeikh Abdullah dan beliau dikatakan mengajar ilmu falak.

pentadbirannya. Pada masa beliau menjadi mudir buat pertama kali beberapa orang penuntut lepasan Madrasah itu dihantar ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran mereka di Al-Azhar.

Bagaimanapun akibat dari perselisihan kecil<sup>5</sup> dengan jawatankuasa pentadbir Madrasah itu beliau meletakkan jawatan mudir yang disandangnya dan tinggal di No. 177 Malacca Street, Pulau Pinang dimana beliau berkesempatan menubuhkan pada tahun 1927, sebuah pertubuhan "Menyokong Kejadian Kalifah Sharif Hussein" dikenali sebagai *Jamiyatul Kalafah*.<sup>6</sup> Pertubuhan itu tidak hidup lama kerana pada tahun yang sama ianya terpaksa ditutup. Beliau berhijrah ke Perak dan berkesempatan bersahabat dengan seorang guru Melayu, Haji Wan Ahmad, yang kebetulan waktu itu bertugas mengajar Raja Muda Temerloh di Telok Anson. Kealiman dan keahlian Syeikh Abdullah Maghribi cepat membawa persahabatan mesra antara beliau dengan Raja Muda itu bersama-sama dengan Raja Harun,<sup>7</sup> berasal dari Perak. Pada waktu itu Madrasah Idrisiah yang ditubuhkan oleh Sultan Perak di Bukit Chandan Kuala Kangsar memerlukan tenaga pendidik yang dinamis untuk mempercepatkan pembangunannya. Pada tahun 1928, Syeikh Abdullah dilantik oleh Sultan Perak untuk mengepalai perjalanan Madrasah Idrisiah; terutama atas kesedaran bukan saja kepada pengalamannya sebagai seorang pendidik, malah lebih jauh lagi kealiman dan kecekapanannya dalam ilmu agama menjadi kriteria penting kepada perlantikan itu.

Terkenal sebagai seorang ahli pendidik dan tokoh Islah, disinilah beliau berharap dapat menyemaikan konsep Islahnya. Dibawah pimpinan Syeikh Abdullah, Idrisiah berjaya membangun sebagai sebuah Madrasah ternama di Negeri Perak. Bilangan penuntut-penuntutnya bertambah lebih kurang 150 orang dan untuk menyesuaikan pertambahan penuntutnya, guru-guru baru dilantik iaitu Syeikh Ali Maqsuri, Abdul Razak dan Muhammad Fadzil, kesemuanya dari Pulau Pinang kecuali Muhammad Nor Faiz<sup>8</sup> yang berasal dari Perak. Ditinjau lebih teliti kepada komposisi tenaga pengajarnya yang banyak diambil dari Pulau Pinang istimewa dari Madrasah al-Mashhur, jelas menunjukkan bahawa perjalanan Idrisiah sebenarnya menuju ke arah sistem sekolah Islah.

Kecekapan Syeikh Abdullah Maghribi ini mencetuskan rasa tidak puashati dan irihati dikalangan beberapa orang anggota pentadbir madrasah serta beberapa gulungan Kaum Tua yang tidak setuju dengan konsep *Talfiq* yang dipegang untuk membentras fahaman khurafat dan bidaah yang menjadi-jadi dewasa

<sup>5</sup>H.C.O. 638/1935. 'Copy of report on Syeikh Abdullah.' Pemberhentian Syeikh Abdullah dilaporkan kerana perselisihan beliau dengan Amin Sahib yang tinggal di Chulia Street yang berbutang wang beliau sebanyak \$1,700. Jelas bahawa Amin Sahib adalah salah seorang dari jawatankuasa pentadbir Madrasah itu. Berita lisan yang diterima menjelaskan bahawa pemberhentian beliau disebabkan kegagalan Anggota Ta'bir Madrasah yang tidak membayar gajinya. Bagaimanapun perselisihan tamat bila jawatankuasa itu bersetuju membayar \$1000 ringgit yang sepatutnya menjadi gaji beliau.

<sup>6</sup>Ibid. Beliau juga dikatakan telah membuka satu syarikat percitakan di Pulau Pinang bernama *Al-Huda Press*.

<sup>7</sup>Ibid. Melalui Raja Harun, Syeikh Abdullah Maghribi dikatakan telah diperkenalkan kepada Sultan Perak.

<sup>8</sup>Seorang bekas pelajar di Mashur al-Islamiyyah di Pulau Pinang, Muhammad Nor Faiz menjadi pengarang majalah *Panduan* yang diterbitkan di Madrasah Idrisiah pada November 1934. Lihat *Panduan*, Vol. 1, No. 1. (20 November, 1934).

itu.<sup>9</sup> Tanpa menghiraukan perbedaan pendapatnya dengan gulungan Kaum Tua dibandar itu, beliau telah menghadiahkan sebuah kitab bernama *Subulus-salam*<sup>10</sup> kepada seorang penuntut Madrasah itu yang berjaya dalam pelajarannya. Tindakan Syeikh Abdullah dipandang sebagai satu usaha untuk meracuni fikiran penuntut madrasah itu supaya mengikut fahaman agama Kaum Muda. Gulungan Kaum Tua yang berpengaruh di Kuala Kangsar mendakwa bahawa kitab *Subulus-Salam* itu sebenarnya ialah sebuah kitab yang membicarakan tentang perjalanan kesemua madzhab dalam Islam, dan ini mereka anggap satu gejala tidak sihat kerana ia akan mengalihkan madzhab seseorang itu dari madzhab Shafie yang menjadi madzhab yang diakui oleh kerajaan Negeri Perak. Keadaan bertambah buruk bila Syeikh Abdullah sendiri mencabar untuk berdailog dengan sesiapa saja yang boleh mengeluarkan dalil bahawa *Talqin* itu sunat. Beliau di tuduh oleh Ahli Jawatankuasa Madrasah sebagai Kaum Muda dan akibat dari peristiwa itulah yang menyebabkan pemberhentiannya dari Madrasah itu.<sup>11</sup>

Perkembangan yang berlaku di Idrisiah pada tahun 1928 itu jelas membuktikan bahawa fahaman aliran Kaum Muda nampaknya tidak dapat bertapak di Madrasah Idrisiah. Sekali pun ada inisiatif untuk menyebarkan konsep Islah Islam kepada penuntut-penuntutnya seperti yang dilakukan oleh Syed Syeikh Abdullah Maghribi, ternyata usaha itu disekat oleh gulungan Kaum Tua yang lebih rapat kepada Sultan. Sikap Syeikh Abdullah Maghribi itu dianggap oleh gulungan Kaum Tua sebagai satu usaha untuk mencabar *status quo* mereka dan beberapa buah kitab hadis seperti *Subulus-Salam* dan *Nail al-Awtar*, tidak dibenarkan diajar dimadrasah itu, dengan alasan kalau hanya berpegang kepada hadis semata-mata, maka itu adalah Kaum Muda. Suasana Idrisiah yang begitu kuat dikongkong oleh golongan tradisional, serta ulamak-ulamak Kaum Tua yang senantiasa mencurigai matlamatnya,<sup>12</sup> memaksa beliau meninggalkan bandar di raja itu untuk kembali semula ke Pulau Pinang yang dirasanya lebih sesuai, selamat dan bebas. Cita-citanya untuk menyebarkan pengetahuan ugama tidak terhenti setakat itu. Pada tahun 1935 Syeikh Abdullah menubuhkan pula *Madrasah al-Hadi al-Diniyah*<sup>13</sup> di Anson Road, Pulau Pinang dan madrasah itu dibuka dengan tujuan untuk memberi pendidikan agama bukan saja kepada anak lelaki tetapi juga untuk anak perempuan, di Pulau itu. Jelas bahawa pertumbuhan pesat Madrasah itu membuktikan sambutan masyarakat terhadap usaha beliau.

<sup>9</sup>Pada masa itu sudah menjadi kelazimannya bahawa Mudir akan memberi hadiah kepada penuntut sekolah yang terbaik sekali. Dikatakan bahawa pilihan bagi penuntut terbaik yang dibuat oleh Syeikh Abdullah Maghribi tidak dipersetujui oleh salah seorang dari ahli jawatankuasa pentadbir Madrasah. Kejadian inilah yang sebenarnya menjadi punca perselisihan antara mereka. Keterangan Ustaz Nawawi guru Madrasah Idrisiah tanggal 25 Februari, 1972.

<sup>10</sup>Untuk butiran lanjut mengenai kitab *Subulus Salam* yang menjadi punca perselisihan itu, lihat, Muhammad b. Ismail, *Subulus-Salam* Vol. 1, Kaherah, 1349, A.H.

<sup>11</sup>Selepas kejadian di Kuala Kangsar Syeikh Abdullah Maghribi berhijrah kembali ke Pulau Pinang dimana beliau telah menjadi anggota pengelola akhbar *Saudara*.

<sup>12</sup>Beliau telah dituduh oleh seterunya mengajar agama Islam mengikut fahaman Moden atau pun mengikut fahaman Kaum Muda. Fitnah itu akhirnya diikuti dengan titah Sultan yang memberhentikan beliau dari jawatannya dalam masa dua puluh empat jam.

<sup>13</sup>*Saudara*, Bil. 402 th. 6, (25 April, 1934), h. 7 dan *Majlis*, (18 Feb., 1932), h.3. Madrasah ini menekankan dengan mendalam penggunaan Bahasa Arab dalam kurikulanya. Terletak di dua tempat berasingan iaitu Bahagian Lelaki di 538, Jalan Datuk Keramat dan Bahagian Perempuan di rumah No. 101, Jalan Sin Teck. Bayaran tempat tinggal \$10 ringgit sebulan. Mengalu-alukan pembukaan Madrasah itu akhbar *Majlis* menulis tentang Syeikh Abdullah Maghribi sebagai orang, "yang telah dikenal oleh umat Melayu akan kecekapannya di dalam alam mengajar dengan pengajaran Islam sejati."

Sebagai seorang ulamak yang berpegang kepada konsep Islah, Syeikh Abdullah sering kali mengeluarkan fatwa yang mengkritik amalan taklid, serta bidaah di kalangan masyarakat Melayu. Biarpun beliau bukan asalnya orang Melayu, tetapi semangat Islah yang meniu di dadanya menyakinkan dirinya untuk membasmikan segala aspek penyelewengan dalam amalan beragama. Melalui akhbar *Saudara* dimana beliau sendiri pernah menganggotai jawatankuasa redaksinya,<sup>14</sup> Syeikh Abdullah menyatakan rencana-rencana yang mengkritik amalan *talqin*<sup>15</sup> dan *usalli*. Bukan setakat menulis, beliau juga pernah turut bersama-sama Syed Syeikh al-Hadi untuk berdialog dan menentang guru-guru agama yang cuba mengajar ilmu agama, di Balik Pitau, Pulau Pinang yang intinya kebanyakannya menyeleweng dari lunas-lunas ajaran Islam yang tulen.<sup>16</sup>

Keinginannya untuk membangunkan masyarakat mengatasi segala yang lain yang sungguh menakjubkan ialah pendapat yang diketengahkan dalam satu majlis Isra' dan Mi'raj yang terang-terang mengkritik kemunduran dan kelemahan masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu yang dilihatnya jauh ketinggalan dibelakang dalam perlumbaan hidup dengan bangsa-bangsa asing dinegerinya. Secara kritis beliau menerangkan,<sup>17</sup>

Marilah kita bersama-sama memerhati siapa yang buka segala hizanah lombong-lombong tanah dalam Negeri-negeri? Siapa mengecap kekayaan daripada tanam-tanaman yang beraturan dalam negeri? Siapa buka kebun-kebun yang amat luas ukuran tanah dalam negeri. Siapa hermegah-megah dengan kepandaian pada segala kerja pertukangan dalam negeri? ... adakah boleh dikatakan yang demikian itu semuanya ataupun setengah daripadanya dikuasai oleh orang Islam? Tentu tidak sekali-kali tidak! padahal ugama mereka itu semenjak seribu, beberapa ratus tahun sekarang ini bersatu-seru dengan berbagai-bagi seruan dan bersuruh menyuruh mereka itu bekerjasama-sama menjaga kehormatan diri dan karyanya negeri dan kebahagiaan hidup dan kemuliaan agama, jangan ditimpuh sebarang kekurangan dari sebab berpanjang masa, tetapi apa boleh buat akan kaum yang telinga berlumut dan hati berkarat itu! Siapa tiada terupaya hendak mendengar atau mengerti satu pun juga melainkan hanyut sahaja bersifat buta tuli mengikut hawa nafsu dan kehendak syahwat yang buas semata-mata.

Beliau melihat bahawa kelemahan yang terdapat dalam masyarakat boleh diatasi jika umat Islam bertindak mengikut ajaran Islam dengan berpandu kepada jalan yang diteroka oleh Nabi. Cuma dengan kembali kepada kemurnian ajaran Islam dan melihat contoh kejayaan zaman gemilang Islam sahajalah, masyarakat Islam di negeri ini boleh mencapai kejayaan. Seterusnya beliau berpendapat bahawa "Kemajuan moden yang bersih dan sempurna bukan kemodenan cara barat yang

<sup>14</sup>HCO 638/1935, 'Copy of report on Syeikh Abdullah'. Juga lihat *Saudara*, (29 Sept, 1934) Bil. 447, th. 6, h. 10.

<sup>15</sup>Libat 'Ucapan al-Syeikh Abdullah Maghribi, diatas perkuburan al-Marhom Syed-al Hadi, *Saudara*, Bil. 386, th. 6, (24 Feb., 1934), h. 6-7; Bil 387, th. 6, (28 Feb., 1934), h. 7 dan Bil 388, th. 6, (3 Mac, 1934), h. 6. Tentangannya mengenai 'Talqin' ini mengakibatkan beliau bergeser pendapat dengan Syeikh Hussain Rafik, iaitu salah seorang dari Mudir Al-Masyhur.

<sup>16</sup>HCO. 638/1935, 'Copy of Report on Syeikh Abdullah'.

<sup>17</sup>*Saudara*, Bil. 350, th. 6, (18 Oct., 1933), h. 7.

<sup>18</sup>Libat 'Salinan ucapan Syeikh Abdullah Maghribi di Madrasah al-Hadi al-Diniah; malam perhimpunan menghormatkan hari Maulud Nabi SAW, *Saudara*, Bil. 321, th. 5 (8hb. Julai, 1933), h. 7. Juga lihat Syeikh Abdullah Maghribi., *Kisah Israh dan Mikraj*, Pulau Pinang, Jelutong Press, 1934.

cuma celop di atas kulit sahaja."<sup>19</sup> Kemodenan bagi beliau perlu berlandas kepada lunas ajaran Islam yang murni.

Untuk melaksanakan cita-cita Islahnya Syeikh Abdullah turut sama bergiat dengan temannya Syed Alwi al-Hadi, di dalam *Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)*<sup>20</sup> yang diasaskan oleh akhbar Saudara. Beliau dilantik sebagai penasihat kehormat persaudaraan itu. Kegiatannya yang begitu aktif dalam Sahabat Pena (PASPAM) akhirnya dicurigai oleh pihak British di Pulau itu.<sup>21</sup> Mereka melihat beliau sebagai seorang ulamak radikal yang mampu mempengaruhi masyarakat Islam di Tanah Melayu. Pada tahun 1935 akibat dari bencana kelaparan yang berlaku di Madinah, Syeikh Abdullah telah menerbitkan satu rencana di dalam akhbar Saudara<sup>22</sup> yang menyeru umat Islam di Tanah Melayu supaya menghulurkan wang bantuan untuk saudara Islam mereka di negeri tersebut. Dalam proses ini beliau dibantu oleh Syed Alwi al-Hadi; T.M. Syeikh Mohamed dari Seng Teik Road; Encik Syed Salleh Al-Sagoff, J.P.; Dr. Ariff; Syed Omar Mazhar<sup>23</sup> (kesemuanya dari Pulau Pinang) dan Encik Hussein, Penolong Pegawai Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.<sup>24</sup> Pihak British yang senantiasa mengintip kegiatan beliau nampaknya tidak begitu senang dengan inisiatif yang dibuat oleh Syeikh Abdullah Maghribi itu.<sup>25</sup> Mereka merasa bahawa pengaruh besar dari ulamak radikal ini berkemungkinan mencetuskan reaksi menentang British. Gagasan untuk mengutip wang bencana kelaparan di Madinah terpaksa diberhentikan.<sup>26</sup> Pihak British melihat bahawa Pulau Pinang yang tidak ada institusi agama di mana mereka boleh menggunakan pegawai-pegawaiannya untuk memerhatikan ulamak Islah seperti Syeikh Abdullah itu berkemungkinan akan menjadi pusat bermulanya politik Melayu ala Islam. Sejak kejadian itu segala aktiviti Syeikh Abdullah senantiasa diintip oleh polis rahsia British di Pulau itu sehingga akhirnya beliau terpaksa berhijrah kembali ke Kota Suci Mekah.

Meninjau kembali peranan yang telah dimainkan oleh tokoh Kaum Muda ini jelas sekali ianya menunjukkan pengabdian seorang yang benar-benar sedar tentang peran pentingnya unsur kepimpinan itu diwujudkan dalam masyarakat Melayu. Biarpun beliau bukan asalnya orang Melayu tulen tetapi kegiatan dan penglibatannya dalam liku-liku hidup masyarakat itu, memperlihatkan sikap simpatinya

<sup>19</sup>Ibid.

<sup>20</sup>Mengenai Sahabat Pena, lihat Roff, *Origins*, h. 212-21 dan Ariffin Ishak, 'Tarikh Sahabat Pena', *Taman Paspam*, Bil. 1 (1940).

<sup>21</sup>Cf.C.O.273/616, File No. 50147, S.S. Police Branch Report: Report for the Year 1935, 1 Jun, 1936. Di Pulau Pinang beliau dikatakan mendapat sokongan dua orang teman karib berasal dari Sumatra, Minangkabau iaitu Syeikh Noh Alzakir yang dilahirkan di Perak dan sekarang bertugas di al-Huda serta Mohamad Yunus b Abdul Hamid yang lahir di Perak tetapi waktu itu bekerja sebagai wartawan akhbar 'Saudara'.

<sup>22</sup>H.C.O. 638/1935. 'Copy of report on Syeikh Abdullah'. Libat juga 'Kepapaan yang bermaharaja lela di Negeri Madinah al-Musharrafah', *Saudara*, Bil. 514, th. 7 (1 Jun 1935). Cf. BAT 626/1935, Ag. Sec. High Com. to BAT, 11 Dec., 1935.

<sup>23</sup>Syed Omar Mazhar dikatakan telah pergi ke negeri Siam untuk mengutip derma itu tetapi akhirnya dihalau keluar oleh Kerajaan Siam. Kutipan derma untuk bencana kelaparan Madinah itu dikatakan dijalankan di Perlis oleh Hakim Haji Mohamed; Wan Ahmad dan Abdul Wahab b. Abdullah yang mendapat pendidikan di Mesir.

<sup>24</sup>IICO, 638/1935. 'Copy of report on Syeikh Abdullah'.

<sup>25</sup>Ibid.

<sup>26</sup>Ibid.

kepada bangsa Melayu. Penglibtannya dalam bidang pendidikan, semasa di Perak dan juga di Pulau Pinang memperlihatkan kesedarannya tentang betapa perlunya pendidikan itu diberi kepada umat Islam ketika itu. Sebagai seorang pendidik beliau telah membuktikan ketokohnanya. Sebagaimana juga dengan tokoh Islah Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin yang menjadi *kontemporarinya* Syeikh Abdullah Maghribi turut menggugat, menggoncang dan mencabar ketengangan suasana berugama yang wujud diwasa itu.